

21/09/1998

Sapok ingkari arahan jurulatih demi emas

SAPOK Biki menyifatkan kemenangan ke atas peninju Kenya, Moses Kinyua, sebagai berpunca daripada kegagalannya mematuhi arahan jurulatih, Adun Pasu.

Menurut peninju itu, Adun menyuruhnya menonton video membabitkan pertarungan terdahulu Kinyua bagi mengenal pasti kelemahan dan kekuatan lawan.

"Bagaimanapun, saya tidak melakukannya. Bila jurulatih tanya sudah tengok video, saya jawab sudah. Tapi, saya sebenarnya tidak menonton kerana bimbang ia akan mempengaruhi mental saya," katanya sambil meminta maaf kepada Adun.

Sapok berkata dia mendengar Kinyua begitu pantas dan memiliki kekuatan tumbukan di samping sentiasa mencatat kemenangan meyakinkan dalam setiap perlawanannya.

"Sebab itu, saya tidak mahu menontonnya kerana takut mental lemah," katanya yang lebih suka berdepan lawan di gelanggang tanpa mengetahui kekuatannya.

Bagaimanapun, Adun mungkin memaafkannya kerana Sapok akhirnya mengukir nama dan melakar sejarah sebagai pemenang pingat emas negara dalam kategori 48kg dengan kiraan mata 19-13.

Jurulatih berasal dari Thailand itu pula menyifatkan kemenangan Sapok sebagai kejayaan keseluruhan skuad negara yang begitu gigih berlatih untuk menghadapi Sukan Komanwel XVI.

"Saya bersyukur kerana tanggungjawab melatih skuad ini akhirnya berbalas dengan kemenangan ini," katanya yang terlebih dahulu menghubungi ibunya untuk berdoa bagi kejayaan peninju Malaysia.

Adun, yang beragama Islam, berkata kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, turut membantu menyuntik semangat Sapok untuk memberikan yang terbaik dalam final itu.

Turut menyaksikan pertarungan itu ialah Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, chef-de-mission kontinjen negara, Datuk Khalid Yunus, serta Presiden Persatuan Tinju Amatir Malaysia (PTAM), Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad.

Menurut Adun, bersesuaian dengan slogan perjuangan 'Malaysia Boleh', peninju tempatan kini berupaya menghadapi siapa sahaja tanpa mempedulikan mereka dari negara mana.

Pengurus, Abdullah Siok, pula berkata tekanan selama ini yang begitu membebankan sudah berakhir dan berharap kecemerlangan itu diteruskan.

(END)